



SIARAN AKHBAR

MESYUARAT MENTERI-MENTERI ASEAN MENGENAI PERTANIAN DAN PERHUTANAN KE -40 (THE 40TH AMAF MEETING) PADA 11 OKTOBER 2018, HA NOI, VIET NAM.

Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN (AMAF) telah mengadakan Mesyuarat kali Ke-40 di Ha Noi, Republik Sosialis Viet Nam pada hari Khamis, 11 Oktober 2018. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Tuan Yang Terutama Dr. Nguyen Xuan Cuong, Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, Republik Sosialis Vietnam.

Menerusi Kenyataan Bersama mesyuarat tersebut, para Menteri telah membincangkan serta bertukar pandangan mengenai dengan pembangunan dan perkembangan serantau dalam melaksanakan *ASEAN Economic Community Framework 2025* serta kemajuan yang dicapai dalam sektor Makanan, Pertanian dan Perhutanan bagi tempoh 2017 - 2018. Para Menteri sangat berpuas hati dengan perkembangan dan kejayaan dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif yang berkaitan dengan kerjasama di sektor Makanan, Pertanian dan Perhutanan kearah mendokong Visi dan Rancangan Strategik Kerjasama ASEAN dalam sektor Makanan, Pertanian dan Perhutanan 2016 - 2025.

Mewakili Negara Brunei Darussalam ke Mesyuarat tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Pada Mesyuarat tersebut, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan memaklumkan bahawa Negara Brunei Darussalam turut mengambil perhatian berhubung dengan perkembangan pelbagai aktiviti yang telah dikendalikan dalam melaksanakan program *ASEAN Integrated Food Security Framework*, dan dalam usaha meneruskan program bantuan bahan makanan kepada negara-negara yang mengalami musibah bencana alam melalui projek *ASEAN Plus Three Emergency Rice Reserved (APTERR)*, Negara Brunei Darussalam akan menyertai negara-negara anggota ASEAN + 3 lainnya dalam menandatangani Protokol untuk meminda lampiran 2 pada Perjanjian *APTERR*.

Mengharmonisasikan piawaian dan prosedur ASEAN yang sedia ada dalam bidang hortikultur, adalah antara perkara yang diambil perhatian oleh Negara Brunei Darussalam bagi kerjasama di sektor pertanian, yang mana setentunya akan meningkatkan lagi fasilitasi perdagangan dalam komoditi-komoditi hortikultur tersebut.



Seterusnya Yang Berhormat Dato memaklumkan bahawa Negara Brunei Darussalam juga menyokong sepenuhnya cadangan yang dikemukakan oleh Pengerusi *SOM-AMAF* dan turut mengesahkan dokumen-dokumen yang dikemukakan untuk penyelarasan piawaian-piawaian ASEAN bagi *Maximum Residue Limits (MRLs)* serta piawaian bagi beberapa produk-produk hortikultur yang terpilih.

Menyentuh mengenai Kerjasama Di Bidang Ternakan, Yang Berhormat Dato memaklumkan bahawa Negara Brunei Darussalam juga mengambil perhatian yang serius tentang kemunculan semula penyakit-penyakit zoonotik yang menghalang pertumbuhan dan perdagangan hasil-hasil industri ternakan di rantau ASEAN ini. Dalam hubungan ini, Negara Brunei Darussalam menyokong untuk mengesahkan bagi pelaksanaan Perjanjian mengenai Pusat Penyelarasan ASEAN bagi Kesihatan Haiwan dan Zoonoses (*ASEAN Coordinating Center on Animal Health and Zoonoses, ACCAHZ*).

Dalam kerjasama sektor perikanan, para Menteri mengambil maklum dan bersetuju dengan cadangan bagi penubuhan kumpulan Kerja Pakar bagi Amalan Baik Akuakultur ASEAN (*ASEAN Good Aquaculture Practices, GAqP*) untuk menyokong pelaksanaan *GAqP* ASEAN dan *ASEAN Shrimp GAqP*.

Dalam kerjasama sektor perhutanan pula, Negara Brunei Darussalam juga mengambil maklum bahawa *SOM-AMAF* akan menggalakkan negara-negara anggota ASEAN untuk meningkatkan Amalan Pengurusan Perhutanan Mampan (*Sustainable Forestry Management Practices*); memajukan inisiatif bersama serta meningkatkan penyelidikan dan pembangunan Bersama sektor perhutanan; pembangunan kapasiti dengan institusi lain yang berkaitan dalam sektor perhutanan seperti *AFoCO*.

Dalam Kerjasama ASEAN dengan Rakan-Rakan Kongsi Pembangunan, Yang Berhormat Dato memaklumkan bahawa Negara Brunei Darussalam akan menyertai negara anggota ASEAN untuk menandatangani Memorandum Persefahaman (*MOU*) diantara ASEAN dan Republik Rakyat China bagi Kerjasama Dalam Bidang Permakanan dan Pertanian.

Yang Berhormat Dato seterusnya memaklumkan bahawa Negara Brunei Darussalam mengambil maklum dan turut mengesahkan *Report and Recommendations of the Chair of SOM-AMAF to the 40th AMAF*. Melaluinya, jelas Yang Berhormat Dato, akan dapat meningkatkan lagi kerjasama dikalngan negara-negara ASEAN dalam sektor Makanan, Pertanian dan Perhutanan.

Mesyuarat ke-40 *AMAF* juga dihadiri oleh Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan dari Kerajaan Kemboja, *TYT Veng Sakhon*; Menteri Pertanian Republik Indonesia, *TYT Dr. A. Amran Sulaiman*; Menteri Pertanian dan Perhutanan, Republik Demokratik Rakyat Lao, *TYT Dr. Liane Thykeo*; Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, *TYT Dato' Salahuddin bin Ayub*;



Menteri Pertanian, Ternakan dan Pengairan, Republik Kesatuan Myanmar, TYT Dr. Aung Thu; Setiausaha Gerakan Jabatan Pertanian, Republik Filipina, TYT Ariel Cayan; Setiausaha Parlimen Kanan (Hal Ehwal Dalam Negeri dan Pembangunan Negara), Singapura, TYT Sun Xueling; Timbalan Menteri Pertanian dan Koperasi, Kerajaan Thailand, TYT Luck Wajananawat; Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, Republik Sosialis Viet Nam, TYT Dr. Nguyen Xuan Cuong; Timbalan Ketua Setiausaha ASEAN Economic Community (AEC), TYT Dr Aladdin D. Rillo .

Mesyuarat AMAF kali Ke-41, akan diadakan di Negara Brunei Darussalam pada Tahun 2019.

Mesyuarat berkenaan telah didahului dengan Mesyuarat di peringkat Pegawai-Pegawai Kanan (SOM-AMAF) yang telah diadakan pada 8 hingga 9 Oktober 2018, yang mana Negara Brunei Darussalam telah diketuai oleh Yang Mulia Pengiran Haji Kamalrudzaman bin Pengiran Haji Mohd Ishak, Setiausaha Tetap di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, berserta beberapa pegawai dari pihak Kementerian berkenaan.

Semasa menghadiri Mesyuarat AMAF Ke-40, Yang Berhormat Dato juga telah berkesempatan mengadakan perjumpaan dua hala dengan TYT Dr. Aung Thu, Menteri Pertanian, Ternakan dan Pengairan, Republik Kesatuan Myanmar. Pada sesi perjumpaan tersebut, kedua belah pihak telah membincangkan mengenai kerjasama berterusan dan bantuan teknikal kepada Negara Brunei Darussalam, khususnya bagi pembekalan benih padi jenis hibrid yang berhasil tinggi.

Di perjumpaan itu juga, telah diadakan penanda-tanganan Memorandum Persefahaman (MOU) di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Republik Kesatuan Myanmar mengenai dengan kerjasama dalam bidang Pertanian.

Melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman tersebut, kedua belah pihak bersetuju untuk terus mengukuhkan kerjasama dalam pengeluaran beras khususnya pengimportan benih beras hybrid berhasil tinggi ke Negara Brunei Darussalam yang diharapkan akan membawa impak positif kepada industri beras di negara ini.

Di samping itu, antara bidang kerjasama yang telah dikenalpasti untuk dilaksanakan melalui perjanjian tersebut adalah:

- tanaman lain dan pembangunan hortikultur;
- pembangunan ternakan;
- pemprosesan dan pembungkusan makanan; dan
- perdagangan dan promosi perdagangan antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Kesatuan Myanmar.



Menandatangani Memorandum Persefahaman tersebut bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; dan bagi pihak Republik Kesatuan Myanmar ialah Tuan Yang Terutama Dr. Aung Thu, Menteri Pertanian, Ternakan dan Pengairan, Republik Kesatuan Myanmar.

Turut hadir pada perbincangan dua hala berkenaan ialah Tuan Yang Terutama Pengiran Haji Sahari bin Pengiran Salleh, Duta Besar, Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Sosialis Vietnam.

/TAMAT.

Dikeluarkan oleh:
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Negara Brunei Darussalam
Tarikh: 13 Oktober 2018